

[Pengenalan](#) / [Dolphin Lagoon](#) / [Waktu Beroperasi & Caj Masuk](#) / [Pakej Nilai](#) / [Acara Semasa](#) / [Panduan Perjalanan](#) / [Kedai Cenderamata & Cafe](#)

Pengenalan



Underwater World Singapore yang terletak di Sentosa Island, Singapura, merupakan sebuah akuarium laut yang unik dan terkenal. Dengan lebih 2,500 hidupan laut daripada 250 spesies kawasan serantau, ia sangat popular di kalangan pelawat sebagai tempat santai yang memberikan pengalaman menghiburkan serta bermanfaat. Sejak dibuka pada tahun 1991, lebih 20 juta pelawat telah terpesona dengan pameran kami. Dengan matlamat untuk memberikan pengalaman unik yang menyeronokkan kepada setiap pelawat, Underwater World Singapore sentiasa aktif dalam memperbaharui produknya serta inovasi program.

Di Underwater World Singapore, 'pengembaraan ke dasar laut' bermula di gigi air cetek dengan kolam penyu dan ikan pari yang cetek. Seterusnya anda akan menemui terumbu karang pelbagai warna serta penghuni laut yang eksotik (termasuk ikan malung, naga laut dan ubur-ubur) sebelum anda memulakan 'pengembaraan' dasar laut yang menakjubkan melalui *travelator* kami sepanjang 83 meter dengan terowong yang menempatkan ikan pari yang menakjubkan, jerung yang menggerunkan, serta lain-lain kumpulan ikan dan hidupan yang menghuni dasar laut. Di penghujung terowong bawah air, jangan ketinggalan peluang keemasan untuk bertentang mata dengan dugong kami, Gracie. Saksikan juga pameran bertema terkini kami di dewan pameran di aras satu. Tema masa kini adalah "*Living Fossils*" yang mempamerkan pelbagai hidupan marin dan air tawar yang unik dan menakjubkan, yang mana nenek moyang mereka muncul lebih beratus juta tahun dahulu!



Underwater World Singapore komited dalam memelihara dan membiakkan kehidupan marin melalui penglibatan aktif dalam beberapa projek alam sekitar. Lawatan sambil belajar dari sekolah-sekolah amat digalakkan dengan program-program pembelajaran seperti Semalaman di Lautan (Living in the Ocean Sleepover), Bengkel Pengetahuan yang Menyeronokkan (Hands-on Educational Fun Workshops) dan Duta Laut (Ocean Ambassador) yang menggalakkan pembelajaran sambil berseronok dan memahami kehidupan dasar laut serta kerapuhannya. Selain itu, dampingi hidupan laut dengan menyertai program menyelam, atau manjakan diri anda melalui program "Berenang Bersama Dolfin (Swim with the Dolphins)" kami yang popular.

Underwater World Singapore Pte Ltd


80 Siloso Road, Sentosa, Singapore 098969 Tel: 6275 0030 Fax: 6275 0036

website: <http://www.underwaterworld.com.sg>



Sekiranya anda mencari-cari tempat eksklusif untuk mengadakan acara, kami menawarkan ide makan minum yang menarik seperti “Makan Malam Bersama Jerung” (menjamu selera secara eksklusif di *travelator*), dan acara-acara bertemakan laut yang lain. Selain acara bertema, kami juga dapat membantu menyediakan hidangan lazat dan menyelerakan. Kawasan terbuka juga ada untuk acara luar di Dolphin Lagoon. Tidak kiralah sama ada ianya acara korporat, jamuan insentif, pelancaran produk, hari keluarga syarikat atau pun majlis perkahwinan, pilihan acara di Underwater World Singapore dan Dolphin Lagoon adalah pelbagai dan tidak terhad.

Dolphin Lagoon



Dolphin Lagoon di Underwater World Singapore, memberikan peluang keemasan untuk berjumpa ikan dolfin Indo-Pacific Humpback comel yang lebih dikenali sebagai dolfin merah jambu. Dolphin Lagoon dibina dengan teliti untuk menyediakan persekitaran semulajadi yang sama dengan habitat semulajadi dolfin.

Comel dan cantik, dolfin merah jambu ini suka bertemu kawan baru. Pelawat boleh melihatnya dengan dekat dan pasti terpegun dengan persembahan hariannya yang menarik dalam sesi “Bertemu Dolfin (Meet-the-Dolphins)”. Underwater World Singapore bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang dolfin dalam mempromosikan perlindungan dan pemeliharaan haiwan marin yang bijak dan semakin pupus ini.

Waktu Beroperasi & Caj Masuk

Waktu Beroperasi

Underwater World Singapore

9 pagi hingga 9 malam setiap hari (Kemasukan akhir pada 8.30 malam)

Dolphin Lagoon

10.30 pagi hingga 6 petang setiap hari (Kemasukan akhir pada 5.30 petang)

Caj Masuk

Kadar bagi kemasukan di Underwater World Singapore dan Dolphin Lagoon.

Dewasa: S\$22.90

Kanak-kanak: 3 – 12 tahun: S\$14.60

Kanak-kanak bawah 3 tahun: Percuma



Underwater World Singapore Pte Ltd

80 Siloso Road, Sentosa, Singapore 098969 Tel: 6275 0030 Fax: 6275 0036

website: <http://www.underwaterworld.com.sg>



Pakej Nilai

Pakej Submarine memberikan nilai untuk wang anda bagi mereka yang tidak puas dengan sekali lawatan ke Underwater World Singapore! Setiap pakej membolehkan 2 kali masuk ke Underwater World dan Dolphin Lagoon (tempoh sah dalam jangka masa satu tahun), serta pelbagai faedah dan keistimewaan seperti F&B dan diskaun program.

Kami mempunyai 3 jenis Pakej Nilai Submarine bagi orang dewasa, kanak-kanak atau keluarga.

- Pakej Solo Submarine - S\$34.50 (Kad sah untuk 2 kali masuk bagi orang dewasa)
- Pakej Mini Submarine - S\$21.90 (Kad sah untuk 2 kali masuk bagi kanak-kanak)
- Pakej Jumbo Submarine - S\$88.90 (Kad sah untuk 2 kali masuk bagi 2 orang dewasa dan seorang kanak-kanak)

* Nota: Keistimewaan kemasukan tidak boleh dipindah milik

Faedah Kad Submarine

- Kemasukan 2 kali ke Underwater World dan Dolphin Lagoon dalam jangka masa satu tahun dari tarikh pembelian
- Diskaun 10% tempat makan di Underwater World Singapore dan Dolphin Lagoon dan kedai cenderamata (dengan pembelian minima \$10 dalam satu resit)
- Premium Underwater World Khas
- Bagi undangan anda yang turut serta: 5 baucar diskaun bagi potongan 15% untuk kadar kemasukan
- Tawaran istimewa Program Renang dan Selam*:
 - Marine Discovery : S\$30 seorang (U.P. S\$45)
 - Dive With The Sharks: S\$100 seorang (U.P. S\$120)
 - Dive With The Dugong: S\$65 seorang (U.P. S\$90)
 - Swim With the Dolphins: S\$125 seorang (U.P. S\$150)



*Untuk pertanyaan dan tempahan Program Renang dan Selam, sila hubungi +65 6275 0030 atau kunjungi seksyen Program di laman web ini. Ingat untuk memberikan nombor kad submarine anda bagi menikmati kadar istimewa!



Acara Semasa

Sesi Bertemu Dolfin (Bergantung kepada Cuaca)

Isnin hingga Jumaat:
11am*, 1pm, 3.30pm, 5.30pm

Sabtu, Ahad & Cuti Umum:
11am, 1pm, 3.30pm, 5.30pm

* Sesi latihan dengan komentar dalam bahasa Inggeris.
Masa tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal.

Masa Memberi Makan Underwater World Singapore

Lokasi	Masa (Setiap Hari)
Kolam Penyu (Turtle Pool)	11am & 4pm
Tiub Vertikal (Vertical Tube)	2.30pm
Koloni Karang (Reef Colony)	11.30am, 4.30pm & 6.30pm
Koloni Lautan (Ocean Colony)	11.45am, 2.30pm & 5pm
Pameran Ketam (Crabs Display)	5.30pm

(Masa memberi makan tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal)



Panduan Perjalanan

Dari Singapura

Untuk sampai ke Pulau Sentosa, anda boleh menggunakan pengangkutan berikut:



- Melalui Kereta Kabel:
Anda boleh menaiki kereta kabel dari Mount Faber atau Cable Car Towers di HarbourFront Centre mulai 8.30am-9pm setiap hari. (Untuk maklumat lanjut dan kadar semasa perjalanan kereta kabel, sila kunjungi: <http://www.mountfaber.com.sg>)
- Melalui bas-bas Sentosa:
Turun di stesen MRT HarbourFront dan naik bas Sentosa dari Terminal Bas Pusat HarbourFront. Tiket masuk

Sentosa dan tambang bas pulau yang dibayar berasingan boleh dibeli di Visitor Arrival Centre (VAC).

- Melalui Teksi:
Teksi boleh membawa anda terus ke Sentosa – Underwater World Singapore. Sila beritahu pemandu teksi untuk memandu ke arah Shangri-La Rasa Sentosa Resort. Underwater World Singapore terletak bersebelahan. Nota: Tiket masuk ke pulau yang dibayar berasingan terpakai untuk setiap penumpang teksi.
- Pandu Masuk



Di bahagian atas tiket masuk ke pulau terpakai untuk semua penumpang. Sentosa juga mengenakan caj masuk kenderaan yang biasa. Tempat letak kereta terdapat di kawasan letak kereta yang ditetapkan di pulau.

Untuk maklumat lanjut tentang kadar masuk ke Sentosa, tambang bas, caj masuk kenderaan dan prosedur masuk, sila kunjungi www.sentosa.com.sg

Underwater World Singapore Pte Ltd

80 Siloso Road, Sentosa, Singapore 098969 Tel: 6275 0030 Fax: 6275 0036

website: <http://www.underwaterworld.com.sg>



Di Kawasan Sentosa



Untuk ke Underwater World Singapore (UWS)

Perkhidmatan bas laluan Biru dari Visitor Arrival Centre
(anggaran frekuensi 10 min)

Perkhidmatan bas laluan Merah dari Dolphin Lagoon

Untuk ke Dolphin Lagoon (DL)

Perkhidmatan bas laluan Kuning dari Visitor Arrival Centre
(anggaran frekuensi 10-15 min)

Perkhidmatan bas laluan Merah dari Underwater World
Singapore

(Semua pengangkutan di kawasan pulau disediakan
percuma)

Kedai Cenderamata & Cafe

Kedai Cenderamata

Ingatan manis daripada kedai cenderamata istimewa kami mengabadikan pengalaman anda yang sukar dilupakan di Underwater World Singapore dan Dolphin Lagoon. Terdapat dua kedai cenderamata, satu terletak di Underwater World Singapore dan satu lagi di Dolphin Lagoon.

Di Kedai Cenderamata Underwater World Singapore, anda dapat membeli hadiah- hadiah menarik untuk memenuhi cita rasa semua peringkat umur seperti beg galas bermotifkan binatang, cawan, baju T dengan rekaan eksklusif, anak patung hinggalah buku panduan hidupan laut yang penuh pengetahuan.

Di Dolphin Cove, para penggemar dolfin berpeluang mendapatkan pelbagai cenderamata dolfin merah jambu eksklusif seperti rantai kunci, anak patung dan juga coklat dolfin merah jambu kami yang eksklusif!



Makanan dan Minuman

• **Dolphin Café**

Terletak di sebelah pintu masuk Dolphin Lagoon, Dolphin Café sangat ideal untuk mereka yang inginkan hidangan segera bila-bila masa. Menu popular termasuk Ikan dan Kentang, Berger Ayam, minuman ringan, Hotdog, Naget Ayam, Chicken Chop, Kepak Ayam, minuman smoothie dan jus buah-buahan.

- **Kowloon Food Express**

Untuk para pelawat yang memilih untuk menikmati hidangan lengkap selepas mengunjungi Underwater World, Kowloon Food Express menawarkan hidangan ala alfresco dengan pandangan yang indah. Nikmati hembusan angin laut sambil menjamu selera dengan pelbagai hidangan tempatan dan antarabangsa di café ini. Kowloon Food Express terletak selepas pintu keluar Underwater World Singapore.

- **Cool Stop**

Cool Stop menawarkan pengunjung Underwater World pelbagai jenis makanan ringan serta desert tempatan yang lazat seperti **Ais Kacang** (desert tempatan dengan ais hancur diliputi sirap pelbagai warna dan bahan lain termasuk kacang merah dan jeli), yang pasti membawa kesegaran semasa kunjungan anda ke Sentosa.



- **Hot Dog King**

Kios Hot Dog King terletak di belakang perhentian bas di hadapan Underwater World Singapura. Pilihan snek yang sesuai untuk peminat hot dog. Anda mungkin tidak lapar tetapi anda pasti ingin menikmati salah satu pilihan hot dog yang menyelerakan. Cubalah pelbagai pilihan hot dog dan burger yang lazat hari ini.